

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 15.06.2015 (ISNIN)

**DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ke atas proses pengesahan hak milik harta intelek agar ianya dapat dipercepatkan. Dalam tempoh proses pengesahan dari IPO, harta intelek ini terdedah kepada risiko untuk dicuri/dicetak rompak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pendaftaran harta intelek yang meliputi paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi adalah penting bagi setiap pemilik harta intelek untuk mendapatkan hak eksklusif terhadap harta intelek mereka. Proses pendaftaran yang cekap dan efisyen adalah penting bagi membantu pemilik harta intelek tersebut mendapatkan sijil pendaftaran mereka dalam masa yang ditetapkan.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui agensinya Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan pengeluaran sijil pendaftaran harta intelek dapat dikeluarkan dengan cepat. MyIPO telah memperkenalkan prosedur "pendaftaran paten dan cap dagangan yang dipercepatkan" di mana melalui prosedur ini, sijil cap dagangan dapat dikeluarkan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pemfailan, manakala sijil paten pula dapat dikeluarkan 20 bulan dari tarikh pemfailan. Pemberian sijil ini adalah tertakluk kepada permohonan yang tiada bantahan. Tempoh ini adalah setanding dengan tempoh pengeluaran sijil bagi negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

Bagi membantu kecekapan pegawai dan mempercepat proses pendaftaran harta intelek, MyIPO telah meningkatkan keupayaan teknologi maklumatnya dengan menggunakan teknologi terkini berasaskan kepada teknologi Eropah dan Jepun di mana pegawai berupaya menjalankan proses pendaftaran harta intelek secara tanpa kertas (*paperless*) dan secara atas talian (*online*). Kemudahan

pemfailan atas talian juga telah diperkenalkan bagi memudahkan pemohon membuat permohonan. MyIPO juga melanggan pangkalan data komersil yang terkenal seperti *EPOQUENET* dan *Scientific and Technical Database Information (STN)* bagi membantu pegawai dalam menjalankan kerja sehari-hari untuk memproses permohonan harta intelek dengan lebih efisyen.

Di samping itu juga, MyIPO memastikan pegawai mereka adalah terlatih dengan menganjurkan latihan di dalam negara dan juga menghantar pegawai mereka untuk menjalani latihan di luar negara di organisasi antarabangsa seperti *World Intellectual Property Organization (WIPO)*, *European Patent Office (EPO)*, *United States Patent and Trademark Office (USPTO)*, *Japan Patent Office (JPO)*, *Korea Intellectual Property Office (KIPO)*, *United Kingdom Patent Office* dan *Intellectual Property Office of Australia*. Latihan ini dilaksanakan berterusan untuk setiap lapisan pegawai bagi memastikan mereka sentiasa berada pada tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi supaya dapat memproses permohonan harta intelek dengan cekap dan efisyen.

Pada masa kini, semua proses pendaftaran harta intelek yang dijalankan di Malaysia adalah mengikut piawaian antarabangsa melalui perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang telah ditandatangani seperti *Paris Convention*, *Patent Cooperation Treaty*, *Nice Agreement* dan *Vienna Agreement*.

Tuan Yang Di-Pertua,

Perlindungan harta intelek adalah bermula dari tarikh permohonan difailkan sehingga tamat tempohnya mengikut kategori harta intelek

yang ditetapkan. Walaupun permohonan tersebut boleh terdedah kepada aktiviti perlanggaran seperti peniruan atau cetak rompak, pemilik harta intelek boleh mengambil tindakan mahkamah kepada pihak yang melanggar harta intelek tersebut dari tarikh berlakunya pelanggaran mengambil kira tarikh perlindungan harta intelek iaitu dari tarikh ianya difailkan.